



10 JUL, 2023

## FAMA sasar RM7 juta jualan Malaysia Fest di Singapura

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



**FOON HIN (belakang, tiga dari kanan) dan Aminuddin (belakang, tiga dari kiri) bergambar pada majlis penutup Penang Fama Fest 2023 di Kompleks Bukit Jambul, Bayan Lepas semalam.**

## FAMA sasar RM7 juta jualan Malaysia Fest di Singapura

**GEORGE TOWN** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan jualan lebih RM7 juta menerusi penyertaan usahawan dari negara ini ke Malaysia Fest yang akan berlangsung di Singapura bermula 27 hingga 30 Julai ini.

Pengerusi Fama, Aminuddin Zulkipli berkata, Malaysia Fest akan disertai 124 usahawan yang membawa produk-produk kebanggaan negeri masing-masing.

“Malaysia Fest ini menawarkan pelbagai produk dari Malaysia dan ia sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga Singapura. Se-

bagai contoh tahun lalu produk berkaitan petai ‘meletup’ di sana.

“Pada tahun ini, kita sasarkan jualan sebanyak RM7 juta dengan penyertaan 124 usahawan,” katanya selepas menghadiri majlis penutup Penang Fama Fest 2023, di sini semalam.

Majlis penutup itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.

Antara usahawan yang akan menyertai Malaysia Fest itu ialah usahawan jeruk dan kopi dari Pulau Pinang, manakala dari Terengganu pula usahawan keropok lekor.



10 JUL, 2023

## FAMA sasar RM7 juta jualan Malaysia Fest di Singapura

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

GEORGE TOWN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasarkkan jualan lebih RM7 juta menerusi penyertaan usahawan dari negara ini ke Malaysia Fest yang akan berlangsung di Singapura bermula 27 hingga 30 Julai ini. Pengerusi Fama, Aminuddin Zulkipli berkata, Malaysia Fest akan disertai 124 usahawan yang membawa produk-produk kebanggaan negeri masing-masing."Malaysia Fest ini menawarkan pelbagai produk dari Malaysia dan ia sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga Singapura.